

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI RABU, 13HB JANUARI, 1982 PUKUL 2.30 PETANG

Bil.27

1

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

- *1. Tuan M.Mahalingam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah wang dibelanjakan dari \$10 juta modal pusingan yang dikhaskan untuk menyelenggara pinjaman Perumahan kepada pekerja-pekerja ladang serta jumlah rumah yang didirikan dalam tahun 1980.
- *2. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada ASEAN bercadang menguatkan lagi kedudukannya dan kekuatannya dengan menerima Negara Burma, Sri Lanka, Papua New Guinea dan Brunei sebagai ahli baharunya.
- *3. Dato' Yap Peng minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tempat-tempat perhentian bas di sepanjang jalan tidak memberi perlindungan kepada orang ramai yang menunggu bas, terutama sekali di waktu hujan dan jika sedar sama ada beliau akan mengkaji dan memperbaiki keadaan ini.
- *4. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:-
 - (a) sama ada beliau sedar bahawa surat-surat perjanjian membeli kereta yang dibayar secara ansuran (Hire Purchase Agreement) di antara pembeli dan Syarikat Kewangan adalah berat sebelah dan merugikan pihak pembeli, yang mana satu dari syarat-syaratnya ialah bahawa pihak syarikat boleh menarik balik kereta itu jika bayaran ansurannya tidak dijelaskan setiap bulan walaupun harganya telah dibayar lebih dari separuh dan mengenakan pula upah tarik kereta itu dan menyimpannya menurut pertimbangan sesuka hatinya; dan
 - (b) adakah Kementerian ini akan menyemak semula semua syarat perjanjian sewabeli balik mengenai pembelian kereta ataupun pembelian yang lain.
- *5. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan data-data lengkap jumlah pesalah yang memberi rasuah kepada pegawai-pegawai Kerajaan.
- *6. Tuan Haji Azlan Kinjawan minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dikehendaki mengisytiharkan harta mereka.
- *7. Puan Rahmah Othman minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan pakar juruteknik dan jururawat dan pakar-pakar dalam bidang yang tertentu yang sedang menjalani latihan lanjutan di dalam dan di luar negeri.
- *8. Tuan Alexander Lee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Bandaraya mempunyai polisi untuk membekalkan kemudahan-kemudahan asas kepada kawasan kampung-kampung seperti Kampung Lai Tek Lok untuk membantu Kerajaan membasmi kemiskinan.

*9. Tuan V.V.Aboo minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) sama ada beliau berpuashati di atas kemajuan yang telah dicapai oleh Kementerian Kesihatan dalam usaha untuk memberikan taraf kesihatan yang baik kepada semua golongan rakyat;
- (b) adakah keperluan alatan moden atau pakar-pakar dari luar telah mencapai ke tahap yang mencukupi bagi keperluan perkhidmatan kesihatan di negara ini; dan
- (c) jika tidak, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mencapai matlamat ini.

*10. Tuan Haji Tuan Yaacob bin Haji Engku Yunus minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebabnya Jemaah Haji (tahun 1981) dikenakan bayaran "Wang Pertaruhan" sebanyak \$4,500 tetapi bila berada di Mekah, Jemaah Haji hanya diberikan 2,400 rial Saudi bersamaan \$1,800 ringgit Malaysia, sedangkan bayaran Haji sahaja sebanyak \$1,700 dan wang 2,400 rial Saudi itu tidak mencukupi untuk perbelanjaan kerja dan saraan di musim Haji di Mekah.

*11. Datuk G. Pasamanickam minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan berapakah jumlah wang yang sudah pun dikutip di Toll Gate, Slim River setakat ini dan bilakah kutipan ini akan dihentikan.

*12. Dato Haji Mohd.Nor Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kemungkinan bahawa Perkhidmatan Awam Negeri-negeri disatukan dengan Perkhidmatan Awam Persekutuan supaya kekurangan tenaga manusia yang mahir boleh dipenuhi dengan tenaga yang disediakan dari kumpulan pusat dan mereka senang digerakkan untuk melaksanakan berbagai rancangan pembangunan yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Keempat.

*13. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan:

- (a) dapat menetapkan bahawa rumah kos rendah itu harganya hanya di antara \$20,000 hingga \$30,000 sahaja supaya dapat dimiliki oleh orang-orang yang berpendapatan rendah; dan
- (b) dapat memberi bantuan kepada orang-orang yang betul-betul miskin untuk membolehkan mereka memiliki rumah.

*14. Puan Ragayah binti Ariff minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa pembayaran-pembayaran biasiswa atau pinjaman kepada penuntut-penuntut Malaysia yang baru sampai di luar negeri ada yang lewat hingga menimbulkan kesulitan kepada penuntut-penuntut itu.

*15. Datuk Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai jemaah-jemaah haji yang menunaikan fardu haji pada tahun 1981 ini berasa sangat kesal dan tidak puas hati dengan layanan dan perkhidmatan daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) dan sama ada beliau akan mewajibkan supaya bakal-bakal pegawai LUTH yang akan bertugas nanti hendaklah sekurang-kurangnya antara lain pandai bertutur di dalam bahasa Arab, rajin serta berbudi bahasa dan bertanggungjawab apabila menghadapi sebarang masalah.

*16. Tuan S.Subramaniam minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah wang yang diberikan sebagai pinjaman tanpa sebarang cagaran oleh bank-bank perdagangan kepada peniaga-peniaga kecil di bawah Sekim Pinjaman Khas dan jumlah peniaga-peniaga kecil yang mendapat kemudahan ini semenjak Januari 1981 hingga sekarang; dan

- (b) sama ada beliau berpuashati atas peranan yang dimainkan oleh Bank-bank Perdagangan dalam usaha menggalakkan peniaga-peniaga kecil.

*17. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) bilangan syarikat-syarikat yang mendapat bantuan/pinjaman kewangan dari MARA yang telah gagal semenjak tahun 1976; dan
- (b) berapa banyakkah jumlah wang yang tidak dapat dikutip dari pinjaman-pinjaman tersebut.

*18. Dr. Choo Kooi Fook minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah permohonan setakat ini yang telah memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki untuk menjadi Rakyat Malaysia; dan
- (b) sebab-sebab yang menyekat mereka ini dari diberi sijil kerakyatan selama tempoh lebih dari tujuh tahun.

*19. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Malaysia akan mengkaji semula kedudukan negara ini dalam Commonwealth atau menarik diri dari menjadi anggota dalam badan tersebut.

*20. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah kemajuan penyiasatan pihak polis Cawangan Khas di Kelantan mengenai kegiatan setengah-setengah golongan atau ahli-ahli politik di Kelantan yang menggunakan Isu Agama dalam ceramah-ceramah kepada rakyat dan sama ada beliau sedar tentang penyerahan secara sulit pita-pita rakaman ceramah tokoh-tokoh parti politik tertentu di Kelantan yang dikatakan boleh membangkitkan semangat sesuatu kaum, jika sedar apakah tindakannya.

*21. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan perjanjian penerbangan yang telah dibuat dengan negeri-negeri lain dan nama negeri-negeri berkenaan; dan berapakah antaranya sekarang dalam operasi, yakni menjalankan penerbangan antara negeri.

*22. Datuk G. Pasamanickam minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan untuk memberikan kemudahan kepada pegawai-pegawai Kerajaan serta isterinya meminjam wang perumahan Kerajaan setakat yang dia/mereka layak untuk membeli atau membina lebih dari sebuah rumah atau projek-projek perumahan.

*23. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa anggota polis yang membuat rondaan hanya akan menggunakan cota sahaja sebagai satu langkah untuk merapatkan hubungan baik di antara mereka dan orangramai.

*24. Tuan Alexander Lee minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah bilangan pengambilan masuk pelajar-pelajar bukan Melayu di dalam Universiti-universiti tempatan bagi tahun akademik 1982 berbanding dengan tahun 1981.

- *25. Tuan Alexander Lee minta Menteri Kewangan menyatakan mengikut kepada Jadual 14-2 Rancangan Malaysia yang Keempat seperti berikut:-

Aliran-keluar sektor swasta dan kesilapan	)	
dan ketinggalan imbalan bayaran ..	...	)
	)	
Tambahan matawang yang dipegang dan	)	\$10,500 juta
simpanan sektor swasta di Bank Negara	)	
Malaysia ...		)

apakah jumlah yang diharapkan di bawah aliran-aliran sektor swasta dan apakah jumlah yang dianggarkan di bawah 'kesilapan dan ketinggalan imbalan bayaran'.

/sh

ATURAN URUSAN MESYUARAT

- | | | | |
|----|------------|--|---------------------------|
| 1. | (DR.18/81) | Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman
(Pindaan) -
Menyambung semula Perbahasan atas Masalah,
"Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan
kali yang kedua sekarang." (12hb Januari,
1982) | |
| 2. | (DR.23/81) | Rang Undang-undang (Perancangan)
Wilayah Persekutuan | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 3. | (DR.24/81) | Rang Undang-undang Ibu Kota Persekutuan
(Pindaan) | " |
| 4. | (DR.22/81) | Rang Undang-undang Harta Pesaka Kecil
(Pembahagian) (Pindaan) | " |
| 5. | (DR.21/81) | Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) | " |
| 6. | (DR.19/81) | Rang Undang-undang Keistimewaan
Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) | " |

/sh